



e-ISSN: 0128-0902

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 12(1) 2026

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Pemilihan Fatwa dalam Mazhab Syafi'i Berdasarkan Hirearki Rujukan Kitab-Kitab Muktamad Fuqaha Syafi'iyyah

(Selection of Fatwas in the Shafi'i School Based on the Hierarchy of References to Shafi'i Scholars' Final Books)

Mohd Hapiz Mahaiyadin^{1*}, Sumayyah Abdul Aziz², Nizaita Omar², Mas Nooraini Mohiddin³

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

²Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, 21300, Kuala Nerus, Terengganu Malaysia

³Pusat Penyelidikan Mazhab Syafi'i, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

ARTICLE INFO

Article history:

Received 30 April 2025

Revised 26 January 2026

Accepted 17 March 2026

Published 21 April 2026

Keywords:

fatwa
hierarchy
mazhab
final
shafi'iyyah

Katakunci:

fatwa
hirearki
mazhab
muktamad
syafi'iyyah

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.4>

ABSTRACT

The Shafie school of jurisprudence is well-known for its extensive knowledge and influence in the history of Islamic law and fatwas. Therefore, this article looks at the hierarchy of fatwas and legal opinions in the Shafi'i school's fiqh treasury, which has been a source of reference throughout history. The treasury contains the views of Imam al-Shafi'i, his disciples, and earlier Shafi'i jurists. This article, as a qualitative study, will utilise the text analysis method proposed by Shafi'i jurists regarding the authority of the school's fatwas. The findings indicate that Shafi'i fiqh texts exhibit differing levels of authority and credibility owing to discrepancies in fatwas and narratives. This necessitated that muhakkik scholars, such as al-Rafi'iy and al-Nawawiy, also referred to as al-shaykhayn, authenticate, refine, edit, and elucidate these fatwas to ensure their acceptance as the definitive fatwas of the Syafi'i school. Two Syafi'iyyah jurists, Ibn Hajar al-Haytami and Shams al-Din al-Ramli, persisted in their verification endeavours by scrutinising the works of al-Shaykhayn. In response to the recent fatwas, Shafi'i jurists have created a reference guide delineating the hierarchy of primary sources within the Shafi'i school of thought. This guidance is crucial for Shafi'i muftis when rendering legal opinions associated with the Shafi'i school of thought. The hierarchy of Shafi'i jurisprudence texts delineates that the fatwas considered robust, authentic, and definitive among the various opinions recorded in the works of Shafi'i jurists will be understood systematically. Consequently, the dissemination of weak (*da'if*), atypical (*shadh*), and rejected (*marjuh*) fatwas that engender

^{1*} Corresponding author. E-mail address: mohdhapiz659@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.4>

societal uncertainty will be eschewed, even if they are employed in certain instances under limited circumstances.

ABSTRAK

Mazhab Syafi'i dikenali sebagai sebuah mazhab fiqah yang kaya dari segi ilmu dan pengaruhnya dalam sejarah perundangan Islam dan kefatwaan. Justeru, artikel ini meneliti hirarki fatwa dan hukum dalam khazanah kitab-kitab fiqah para ulama mazhab Syafi'i yang menjadi rujukan sepanjang zaman. Khazanah fatwa dan hukum tersebut merangkumi pendapat Imam al-Syafi'i, para murid dan fuqaha Syafi'iyah terdahulu. Sebagai sebuah kajian kualitatif, artikel ini akan menggunakan kaedah analisis teks yang dipertegaskan oleh fuqaha Syafi'iyah mengenai autoriti fatwa-fatwa mazhab tersebut. Berdasarkan analisis yang dijalankan, didapati kitab-kitab fiqh Syafi'iyah tidak berada dalam satu tahap yang sama dari segi autoriti kerajihan dan keiktimadannya disebabkan terdapat ikhtilaf fatwa dan periwayatannya dalam kalangan mereka. Hal ini kemudiannya mendorong usaha pentahkikan, penyaringan, penyuntingan dan pentarjihan fatwa-fatwa tersebut dilakukan oleh para ulama muhakkik seperti al-Rafi'iy dan al-Nawawiy yang dikenali dengan gelaran *al-shaykhayn* untuk diangkat sebagai fatwa muktamad mazhab Syafi'i. Usaha pentahkikan tersebut disambung pula oleh dua fuqaha Syafi'iyah selepas itu iaitu Ibn Hajar al-Haytami dan Syams al-Din al-Ramli yang meneliti hasil kerja *al-Shaykhayn*. Rentetan dari pentarjihan fatwa-fatwa rajih, fuqaha Syafi'iyah mutakhirin telah mengemukakan panduan rujukan fatwa mengenai hirarki rujukan muktamad dalam mazhab Syafi'i. Panduan ini penting untuk diikuti oleh para mufti Syafi'iyah ketika mengeluarkan pandangan hukum yang dinisbahkan kepada mazhab Syafi'i. Berdasarkan hirarki kitab-kitab fiqah mazhab Syafi'i yang disenaraikan, fatwa yang dianggap kuat, sahih dan muktamad di antara sekalian ikhtilaf pendapat yang direkodkan oleh kitab-kitab fuqaha Syafi'iyah akan difahami dengan teratur. Dengan demikian, penzahiran fatwa yang lemah (*da'if*), pelik (*shadh*) dan ditolak (*marjuh*) yang mengakibatkan kekeluaran beramal dalam masyarakat akan dapat dielakkan walaupun dalam keadaan tertentu ia digunakan secara terkawal.

PENDAHULUAN

Dalam konteks Malaysia, fatwa tertakluk kepada undang-undang yang terpakai melalui Akta, Enakmen dan Ordinan Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri-Negeri. Istilah fatwa merujuk kepada keputusan hukum disampaikan oleh mufti yang diwartakan setelah melalui beberapa prosedur tertentu sehingga mendapat kelulusan dan pengesahan Ahli Mesyuarat Negeri dan Penasihat Undang-Undang seterusnya perkenan DYMM Sultan atau Raja Negeri untuk diwartakan dalam warta kerajaan. Fatwa yang diwartakan akan menjadi undang-undang, mengikat orang-orang Islam dalam negeri yang mewartakannya dan berkuatkuasa dalam negeri tersebut. Sebarang tindakan yang bertentangan dengan fatwa tersebut boleh dikenakan tindakan perundangan atas kesalahan melanggar fatwa (Abdul Shukor Husin, 2012; Mohamed Azam Mohamed Adil, 2012)

Dari segi metod pembuatan fatwa (*sina'at al-fatwa*), kebanyakan negeri di Malaysia memperuntukkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam masing-masing, setiap keputusan fatwa mesti berasaskan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i. Sebagai contoh, Seksyen 53 Enakmen Pentadbiran

Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004 menyatakan pendapat muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) dalam mazhab Syafi'i hendaklah diikuti. Begitu juga Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008, dalam Bahagian III – Jawatankuasa Fatwa, Seksyen 26 Qaul Muktamad. Pemilihan mazhab Syafi'i sebagai pilihan fatwa jelas ditetapkan dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 Negeri Pahang (Seksyen 41), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 Negeri Perak (Seksyen 39), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Seksyen 54), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (Seksyen 42), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Seksyen 54) dan Ordinan Majlis Islam Sarawak 200 (Seksyen 39). Namun Perlis merupakan satu-satunya negeri yang berbeza dengan negeri-negeri lain daripada segi keterikatan dengan mazhab Syafi'i. Dalam Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam 2006 negeri tersebut, memperakukan pelbagai pendapat yang dilihat selari dengan al-Quran dan atau sunnah Rasulullah SAW.

Jawatan mufti secara rasminya tertakluk di bawah bidang kuasa pentadbiran undang-undang Islam negeri-negeri seluruh Malaysia. Berdasarkan peruntukan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri-negeri, mufti dilantik oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan, Raja dan Yang DiPertuan Besar untuk membantu dan menasihati Baginda berkenaan dengan semua perkara yang berhubungan dengan hukum syarak. Ini bermakna dari segi perundangan, setiap orang yang menguasai hukum syarak tidak dianggap sebagai mufti walaupun dari segi bahasa, mufti bermaksud orang yang menyampaikan hukum syarak kepada orang ramai. Memandangkan perantikan mufti, fungsi, bidangkuasa, tatacara pembuatan fatwa dan sumber fatwa muktamad ditadbir berdasarkan akta, enakmen dan ordinan negeri-negeri, maka secara umumnya fatwa yang diputuskan oleh mufti sendiri mesti berdasarkan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i. Justeru itu, para mufti dan ulama setempat perlu mengetahui kitab-kitab fiqh mazhab Syafi'i berdasarkan hirarki autoritinya bagi mendapatkan fatwa-fatwa yang muktabar.

Hal yang sama berlaku di Negara Brunei Darussalam di mana Mazhab Syafi'i merupakan mazhab yang menjadi pegangan rasmi dan amalan beragama sepertimana yang temaktub dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Pindaan), 2004. Selaras dengan kenyataan itu, penetapan suatu fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Kerajaan di Negara Brunei Darussalam pada dasarnya bersandarkan kepada Mazhab Syafi'i. Menurut bab 43(1) dari Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77 bahawa penetapan fatwa hendaklah mengikut pendapat para fuqaha dalam Mazhab Syafi'i dengan mengutamakan *qaul muktamad*. Jika di fikirkan dengan mengikut *qaul muktamad* akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, kecuali jika Kebawah Duli Yang Maha Mulli mengarah yang sebaliknya, mengikut *qaul dhaif* daripada Mazhab Syafi'i.

Jika di fikirkan bahawa dalam *qaul muktamad* atau *qaul dhaif* daripada Mazhab Syafi'i akan bertentangan dengan kepentingan awam, Majlis atau Jawatankuasa Undang-Undang boleh, dengan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, mengikut *qaul* daripada mana-mana tiga lagi mazhab yang dianggap bersesuaian. Mana-Mana fatwa yang dikeluarkan sedemikian, segala syarat- syarat dan prinsip-prinsip yang patut diikuti hendaklah dibentangkan dengan keterangan dan penjelasan penuh (Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, 1956). Justeru, Akta tersebut menjadi asas penting bagi menjelaskan metode penetapan fatwa di Negara Brunei Darussalam yang mengutamakan *qaul muktamad* sebagai asas pertimbangan penetapan fatwa. Walau bagaimanapun jika *qaul muktamad* berkaitan menjejaskan kepentingan umum maka *qaul dhaif* dari Mazhab Syafi'i masih diberi keutamaan. Jika dalam perkara ini juga, berpotensi menjejaskan kepentingan umum barulah fatwa boleh ditetapkan berdasarkan kepada pendapat dalam Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

Dalam konteks pengeluaran fatwa muktamad, sudah tentu rujukan utama para mufti dan ulama di Malaysia dan Brunei Darussalam akan kembali kepada kitab-kitab fiqh mazhab Syafi'i. Satu perkara perlu disedari adalah memandangkan terdapat banyak kitab fiqh mazhab tersebut yang merekodkan pelbagai pendapat dan fatwa sejak dahulu, fuqaha Syafi'iyyah terkemudian telah mengemaskini semua khazanah fiqh yang bernilai tersebut berdasarkan hirarki keutamaan sebagai sumber rujukan. Justeru, para mufti dan ulama perlu mengetahui hirarki sumber rujukan mazhab Syafi'i secara mendalam agar fatwa yang dikeluarkan merupakan pendapat muktamad dalam mazhab.

METODOLOGI KAJIAN

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenalpasti hierarki kitab fiqh mazhab Syafi'i sebagai sumber fatwa muktamad. Justeru itu, kajian ini hanya menumpukan perhatian terhadap data-data kualitatif yang tidak melibatkan angka dan statistik. Reka bentuk kualitatif telah digunakan dalam kajian ini secara deskriptif dengan menganalisis teks kenyataan fuqaha Syafi'iyah mutakhir mengenai autoriti kitab-kitab fiqh dan aplikasi kaedah pentarjihan fatwa yang terjadi dalam evolusi perkembangan mazhab Syafi'i.

KARYA-KARYA FIQAH DALAM SOROTAN PERKEMBANGAN MAZHAB SYAFI'I

Semua penulisan dan karya fiqh mazhab Syafi'i sebenarnya telah lahir dan berkembang seiring dengan garis masa (*timeline*) pertumbuhan mazhab tersebut sejak kemunculannya pada zaman Imam al-Syafi'i (204 h.) sehingga menjadi sebuah mazhab fiqh yang tersebar ke seluruh dunia Islam. Pembentukan pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i mengambil proses yang lama dalam pelbagai peringkat, bermula dari generasi yang terawal (salafussoleh) dan diwarisi generasi ke generasi sehingga ke kurun 13 hijrah (Syed Syahridzan & Mohd Hapiz, 2019). Jika dilihat dari aspek pertumbuhannya, mazhab Syafi'i telah melalui empat fasa utama seperti digariskan oleh al-Syarbaji (2015) dan al-Qawasimi (2003) iaitu fasa kelahiran, fasa periwayatan dan kestabilan mazhab, fasa penyaringan dan suntingan serta fasa pengukuhan karya-karya dua fasa sebelum itu.

Fasa pertama iaitu era pembentukan (*al-takwin*) dan kematangan (*al-nudj*) yang berlangsung antara tahun 195-204 hijrah. Fasa ini ditandai dengan pengajaran Imam al-Syafi'i di Baghdad dalam ziarah kali keduanya ke Iraq 195 hijrah sehingga penghijrahannya ke Mesir pada 199 hijrah. Segala fatwa yang dimuatkan dalam karya-karya beliau semasa di Iraq dinamakan sebagai pendapat lama (*qadim*) manakala dalam karya-karya di Mesir sehingga beliau wafat pada 204 hijrah dinamakan sebagai pendapat baharu (*jadid*).

Fasa kedua iaitu era periwayatan (*al-naqli wa al-riwayah*) fatwa-fatwa mazhab dan kestabilannya (*al-istiqrar*). Fasa ini berjalan selepas kematian Imam al-Syafi'i pada tahun 204 hijrah apabila para murid beliau di Mesir seperti Imam al-Buwayti, Imam al-Muzani dan Imam al-Rabi al-Muradi meneruskan legasi pengajarannya menerusi periwayatan fatwa-fatwa beliau. Melalui murid-murid Imam al-Syafi'i, fatwa-fatwa Imam al-Syafi'i diikuti oleh ratusan para ulama yang kemudiannya menjadi tokoh-tokoh ulung Syafi'iyah dengan pelbagai karya dan penulisan fiqh mereka mengukuhkan periwayatan mazhab Syafi'i. Era ini berlanjutan sehingga tahun 505 hijrah iaitu tahun kewafatan Imam al-Ghazali. Ini kerana tokoh tersebut menduduki posisi terpenting dalam penghasilan karya fiqh dan usul fiqh mazhab Syafi'i yang menjadi penghubung (*bridge*) riwayat fatwa-fatwa ulama Syafi'iyah terdahulu (*mutaqaddimin*) kepada Syafi'iyah terkemudian (*mutakhirin*).

Hasil dari periwayatan fatwa-fatwa pada fasa ini telah lahir dua aliran (*madrasah*) mazhab Syafi'i yang terkenal iaitu Iraqiyyin dan Khurasaniyyin dalam memperkembangkan mazhab ini melalui kaedah-kaedah ilmiah yang terperinci (Maghribiyyah, 2015). Kedua-dua aliran ini memainkan peranan penting dalam berinteraksi dengan fatwa-fatwa Imam al-Syafi'i dan juga pandangan-pandangan yang berkaitan dengan permasalahan fiqh dalam kalangan murid-murid Imam al-Syafi'i (Al-Thaqafi, 2014). Kelebihan yang ada pada kedua-duanya ialah pada metod (*tariq*) mentarjihkan qaul-qaual Imam al-Syafi'i dan menyaring pelbagai riwayat yang dinisbahkan kepada beliau berpandukan penyelarasan pendapat yang ditentukan oleh mutaqaddimin (Syafi'iyah terawal).

Terkemudian daripada aliran Iraqiyyin dan Khurasaniyyin ini muncul aliran ketiga yang menggabungkan metod kedua-dua aliran tersebut dalam periwayatan mazhab, pemilihan pendapat yang muktamad dan percambahan masalah fiqh. Tokoh Syafi'iyah dari Iraqiyyin seperti Abu Bakar al-Syasyi (505 h.) dan Ibn al-Sabbagh (477 h) dan dari Khurasaniyyin pula seperti Imam al-Haramain Abu al-Ma'ali al-Juwaini (478 h) dan Hujjatul Islam al-Ghazali (505h) (Ali, 1978) telah memainkan peranan dalam mengintegrasikan antara kedua-dua aliran sebelumnya.

Selepas itu mazhab Syafi'i beralih ke fasa ketiga yang dikenali dengan era penyaringan (*al-tanqih*) dan penyuntingan (*al-tahrir*) mazhab. Fasa ini bermula selepas era al-Ghazali sehingga kematian Syams al-Din al-Ramli pada tahun 1004 hijrah. Ringkasnya fasa ini terbahagi kepada dua peringkat iaitu penyaringan pertama (*al-tanqih al-awwal*) (505-767 hijrah) yang dimulakan oleh al-Rafi'iy (623 h.) dan al-Nawawi (676 h.) yang turut dikenali sebagai al-Shaykhain. Hasil *tanqih* mereka tercatat dalam karya-karya penting seperti kitab *al-Muharrar* dan Fath al-Aziz Imam al-Rafi'i mentahkik kitab al-Wajiz karya al-Ghazali. Berdasarkan fatwa-fatwa mazhab Syafi'i dalam kitab al-Muharrar dan Fath al-Aziz, al-Nawawi menyaring dan menyunting kembali dalam kitab beliau iaitu Minhaj al-Talibin dan Rawdat al-Talibin, selain kitab-kitab lain. Karya-karya al-Nawawi mendapat perhatian ulama Syafi'iyah selepas itu seperti Ibn al-Rif'ah (710 h.), Taqiy al-Din al-Subki (756 h.), al-Zarkasyi (794 h.), al-Bulqini (805 h.) dan diakhiri oleh Shaykhul Islam Zakariyya al-Ansari (926 h.).

Peringkat kedua pula (926-1004 Hijrah) itu penyaringan kedua (*al-tanqih al-thani*) fatwa-fatwa mazhab Syafi'i digerakkan oleh dua orang tokoh ulung iaitu Ibn Hajar al-Haytami (974 h.) dan Syams al-Din al-Ramli (1004 h.). Mereka berdua telah melakukan kerja-kerja penyaringan seperti dilakukan oleh al-Rafi'I dan al-Nawawi. Penyaringan fatwa itu merujuk kepada usaha pentarjihan dan pemilihan Ibn Hajar dan al-Ramli terhadap perbezaan pendapat antara al-Rafi'iy dan al-Nawawi di samping mereka berdua turut memuatkan ijihad masing-masing dalam masalah-masalah baharu yang tidak disentuh oleh al-Shaykhayn (Al-Syarbaji, 2015).

Fasa keempat iaitu era pemeraksanaan karya-karya era *al-tanqih al-awwal* dan *al-tanqih al-thani* oleh ulama Syafi'iyah yang berkhidmat demi mazhab Syafi'i. Fasa ini bermula pada 1004 Hijrah hingga 1335 Hijrah. Berbeza dengan fasa-fasa sebelumnya, fasa ini hanya memperlihatkan usaha Syafi'iyah melakukan catatan tambahan (*tahsyiah*) kepada kitab-kitab syarahan ulama terdahulu. Antara kitab hasyiah terkenal ialah Hasyiah al-Qalyubi (1069 h.) wa Umayrah (957 h.) 'ala Kanz al-Raghibin, karya Jalal al-Din al-Mahalli (864 h.) iaitu syarahan kepada kitab Minhaj al-Talibin, karya Imam al-Nawawi. Antara hasyiah lain, Hasyiah al-Syubramullasi (1087 h.) 'ala Nihayat al-Muhtaj, karya al-Ramli, Hasyiah al-Jamal (1204 h.) 'ala Syarh Manhaj al-Tullab, Karya Shaykhul Islam Zakariyyah al-Ansari dan Hasyiah al-Bajuri (1276 h.) 'ala Syarh al-Allamah Ibn Qasim al-Ghazzi (918 h.) 'ala Matn Abi Syuja' (500 h.).

Dalam garis masa perkembangan mazhab Syafi'i seperti di atas, al-Qawasimi (2003) membahagikan karya-karya fiqh mazhab Syafi'i secara umumnya kepada tujuh kategori iaitu:

Jadual 1. Senarai Penulisan Fiqh Mazhab Syafi'i

No.	Kategori
i	Penulisan Imam al-Syafi'i sendiri.
ii	Penulisan Imam al-Rafi'iy dan Imam al-Nawawi yang disifatkan sebagai penyaringan pertama mazhab Syafi'i (<i>al-tanqih al-awwal</i>).
iii	Penulisan Imam Ibn Hajar al-Haytami dan Imam al-Ramli yang disifatkan sebagai penyaringan kedua mazhab Syafi'i (<i>al-tanqih al-thani</i>).
iv	Penulisan berbentuk fiqh perbandingan (<i>al-fiqh al-muqarin</i>).
v	Penulisan fiqh secara spesifik mengikut tajuk tertentu.
vi	Penulisan fiqh yang tidak tertakluk kepada lima kategori di atas.
vii	Penulisan fiqh moden.

Sumber: Al-Qawasimi (2003)

Merujuk kepada pembahagian di atas, didapati bahawa empat kategori kitab fiqh terkemudian (iv, v, vi dan vii) lazimnya akan bersumberkan kepada tiga kategori awal (i, ii dan iii) sebagai rujukan fatwa mazhab Syafi'i khususnya kategori kedua (karya-karya al-Rafi'i dan al-Nawawi) dan ketiga (karya-karya Ibn Hajar al-Haytami dan al-Ramli). Oleh itu, perincian tentang karya-karya tiga yang terawal perlu dibentangkan dalam penulisan ini.

Karya utama Imam al-Syafi'i ialah *al-Umm* yang dianggap *magnum opus* atau karya utama yang membentuk pembinaan fatwa mazhab beliau terutama dari sudut perbahasan hukum dan pendalilan. Selain *al-Umm*, Imam al-Syafi'i turut menghasilkan kitab *Ikhtilaf Abi Hanifah wa Ibn Abi Layla*, *Ikhtilaf Ali wa Abd Allah Ibn Mas'ud*, *Ikhtilaf Malik wa al-Syafi'i*, *Jima' al-Ilm*, *Bayan Fara'idh Allah*, *Sifat Nahy Rasul Allah*, *Ibtal al-Istihsan*, *al-Radd 'ala Muhammad Ibn al-Hasan al-Syaybani* dan *Siyar al-Awza'i*. Kitab-kitab tersebut terutama *al-Umm* merupakan sumber fatwa-fatwa terkini Imam al-Syafi'i sebelum meninggal dunia di Mesir pada tahun 204 Hijrah. Seperti mana ditegaskan oleh al-Qawasimi (2003), walaupun terdapat beberapa fatwa Imam al-Syafi'i dalam persoalan tertentu yang tidak diiktimadkan oleh fuqaha Syafi'iyah terkemudian selepas mereka melakukan penyaringan (*tanqih*) khazanah fatwa mazhab, kitab *al-Umm* dan selainnya merupakan sumber paling berautoriti yang merekodkan fatwa beliau.

Secara umumnya, semua hasil penulisan fiqah Imam al-Syafi'i seperti *al-Umm*, *al-Imla'* dan yang dicatatkan dalam *Mukhtasar al-Buwayti* dan *Mukhtasar al-Muzani* telah diringkaskan oleh Imam al-Haramayn (478 h.) dalam kitabnya *Nihayah al-Matlab fi Dirayah al-Mazhab*. Selepas itu al-Ghazali (505 h.) meringkaskan *al-Nihayah* kepada kitab *al-Basit* kemudiannya kepada *al-Wasit* dan kemudian pula kepada *al-Wajiz*. Daripada *al-Wajiz* diringkaskan kepada *al-Khulasah*. Kitab *al-Wajiz* telah diringkaskan oleh al-Rafi'i (623 h.) kepada kitab al-Muharrar dan turut disyarahkan ke dalam kitab lain bertajuk *al-Aziz* (Mohd Hapiz, 2019; Mohd Hapiz, 2025).

Dalam satu jaluran lain, kitab *al-Aziz* oleh al-Rafi'i (623 h.) telah diringkaskan oleh al-Nawawi (676 h.) ke dalam sebuah kitab bernama *Rawdhat al-Talibin*. Kitab *al-Rawdhah* telah diringkaskan oleh Ibn Muqirri (837 h.) kepada kitab al-Rawdh yang disyarahkan pula oleh Zakariyya al-Ansari (823 h.) dalam kitab bertajuk *Asna al-Matalib*. Kitab tersebut turut diringkaskan oleh al-Muzajjid al-Zubaydi (930 h.) ke dalam kitab *al-'Ubab* yang disyarahkan oleh Ibn Hajar al-Haythami (973 h.) dalam kitabnya *al-Li'aab*. Ini merupakan satu contoh jaluran salasilah kitab fiqah mazhab Syafi'i yang dipaparkan secara ringkas.

Seterusnya kategori karya era *al-tanqih al-awwal* merujuk kepada hasil usaha al-Rafi'i dan al-Nawawi dalam merumuskan fatwa muktamad bagi mazhab Syafi'i. Kedua-dua tokoh yang digelar sebagai *al-Shaykhayn* telah membawa mazhab Syafi'i ke arah pencerahan yang lebih nyata dan jelas kedudukannya. Ini memandangkan sebelum kemunculan mereka berdua, dalam mazhab Syafi'i secara amnya telah wujud terlalu banyak pertentangan fatwa, perbezaan periwayatan mazhab dan khilaf furuk fiqah dalam kitab-kitab para *Ashab al-Wujuh* iaitu fuqaha Syafi'iyah kurun keempat dan kelima serta banyak istilah-istilah yang samar dari sudut makna (Syed Mohamed Ben-Agil & Mohd Hapiz, 2019). Semua itu memerlukan kepada semakan, penapisan dan penyelarasan (Al-Qawasimi, 2013).

Antara karya-karya al-Rafi'i ialah *al-Sharh al-Saghir* dan *al-Sharh al-Kabir* yang dikenali dengan *al-Aziz* (*Fath al-Aziz*). Kitab *al-Aziz* merupakan syarahan kepada kitab *al-Wajiz* oleh Imam al-Ghazali. Al-Rafi'i turut meringkaskan *al-Wajiz* ke dalam kitab lain yang bernama *al-Muharrar*. Selepas al-Rafi'i, datang al-Nawawi dengan *Rawdhat al-Talibin* yang menjadi syarahan kepada *Fath al-Aziz* dan *Minhaj al-Talibin* sebagai ringkasan daripada *al-Muharrar*. Selain *al-Rawdhah* dan *al-Minhaj*, al-Nawawi turut menghasilkan *al-Tahzib*, *al-Majmu' syarh al-Muhazzab*, *al-Tanqih*, *al-Fatawa*, *Syarh Muslim*, *Tashih al-Tanbih* dan *Nukat al-Tanbih*. Menurut Muhammad al-Kaaff (t.t), kitab al-Nawawi yang paling mendapat perhatian adalah *Minhaj al-Talibin* yang ditampilkan dalam bentuk syarahan dan hasyiah. Al-Habsyi (2017), pengarang *Jami al-Shuruh wa al-Hawashi* menyatakan terdapat lebih 230 karya yang berkhidmat untuk kitab *al-Minhaj*².

² Kitab *Minhaj al-Talibin* telah diringkas dan disyarah pengajarannya oleh ramai fuqaha Syafi'iyah terkemudian. Di antara senarai mukhtasar *al-Minhaj* ialah al-Wahaj fi Ikhtishar al-Minhaj oleh Abu Hayyan Muhammad bin Yusuf al-Andalusy (745 h.), *Manhaj al-Thullab* oleh Sheikhu'l Islam Zakariya al-Anshary (823 h.), *Ghunyat al-Muhtaj ila Nadham al-Minhaj* oleh Burhan al-Din al-Khatib (871 h.) dan *Al-Ibtihaj ila Nadham al-Minhaj* oleh Jalal al-Din al-Suyuthi (911 h.).

Antara kitab yang mensyarahkan *al-Minhaj* ialah *al-Siraj al-Wahhaj fi Idhah al-Minhaj* oleh al-Sakandari (720 h.), *Ghayat al-Lihaj fi Syarh al-Minhaj* oleh al-Ba'li (774 h.), *Qut al-Muhtaj fi Syarh al-Minhaj* oleh al-Azra'i (783 h.), *Kanz al-Raghibin Syarh Minhaj al-Talibin* oleh Jalal al-Din al-Mahalli (864 h.), *al-Dibaj fi Tawdhid al-Minhaj* oleh al-Zarkasyi (794 h.), *al-Najm al-Wahhaj fi Syarh* <https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.4>

Jarak antara tahun 926 hingga 1004 Hijrah disebut oleh ulama Syafi'iyah sebagai penutup kegiatan penyaringan (*khatimah al-tanqih*) fatwa-fatwa mazhab Syafi'i oleh dua orang tokoh ulung iaitu Ibn Hajar al-Haythami (974 h.) dan Syams al-Din al-Ramli (1004 h.). Pada era yang dinamakan sebagai *al-tanqih al-thani* itu, kedua ulama berkenaan telah melakukan kerja-kerja penyaringan berpandukan kaedah al-Rafi'i dan al-Nawawi. Penyaringan fatwa itu merujuk kepada usaha pentarjihan dan pemilihan Ibn Hajar dan al-Ramli terhadap ikhtilaf terdahulu yang terjadi antara al-Rafi'i dan al-Nawawi di samping mereka berdua turut memuatkan ijtihad masing-masing dalam masalah-masalah baharu yang tidak disentuh oleh al-Shaykhayn (Al-Syarbaji, 2015).

Justeru itu, tidak pelik apabila kitab *Tuhfat al-Muhtaj* dan *Nihayat al-Muhtaj* menjadi keutamaan ulama Syafi'iyah selepas itu berbanding kitab-kitab syarahan al-Minhaj yang lain. Ali Jum'ah (2001) menegaskan autoriti kitab *Nihayat al-Muhtaj* karya al-Ramli terbukti setelah diuji kandungan catatannya tidak menyeleweng atau tersasar dengan hujah-hujah yang tidak berasas, yang mana telah menjalani sesi *viva voce* oleh para ulama Syafi'iyah pada zamannya. Kitab *Nihayat al-Muhtaj* telah dibaca oleh 400 orang ulama di hadapan Imam al-Ramli dari awal hingga halaman terakhir. Mereka melakukan kritikan dan pembetulan. Maka dengan itu, kebolehpercayaan terhadap kitab *Nihayat al-Muhtaj* seakan-akan mencapai tahap mutawahir. Kaedah yang sama juga dilakukan pada kitab *Tuhfat al-Muhtaj* karya Ibn Hajar al-Haythami yang melalui proses pengujian yang serupa.

KAEDAH PENTARJIHAN FATWA MUKTAMAD MAZHAB SYAFI'I

Dalam penentuan fatwa yang muktamad, para fuqaha Syafi'iyah sememangnya mengikuti pendekatan yang amat teliti bagi memastikan kekuatan dalil dan kemuktamadan suatu fatwa bagi mewakili mazhab mereka. Fatwa muktamad dalam mazhab dicerakinkan melalui beberapa hirarki seperti yang berikut (Al-Dimyati, 1997; Ali Jum'ah, 2011; al-Kurdi, 2011; al-Saqqaf al-Makki, 2004; al-Ma'lamah al-Misriyyah, 2021):

- i. Secara dasarnya, fuqaha Syafi'iyah terkemudian bersetuju bahawa kesemua fatwa dan pendapat Imam al-Syafi'i, para *ashab al-wujuh* iaitu mujtahid Syafi'iyah pada fasa kedua (*al-takwin wa al-nadji*), adalah berdasarkan usaha tarjih oleh dua tokoh utama iaitu Abd al-Karim al-Rafi'i dan Yahya Ibn Syarf al-Nawawi. Pentarjihan kedua-dua mereka dipercayai dengan hakikat bahawa kesemua fatwa-fatwa Syafi'iyah *mutaqadimin* terutama yang terdapat dalam karya-karya *ashab al-wujuh* daripada aliran *al-Iraqiyyun* dan *al-Khurasaniyyun* telah diteliti, dianalisa, disaring dan ditarjih oleh mereka berdua.
- ii. Fuqaha Syafi'iyah selepas itu akan berpegang kepada hasil penelitian yang disepakati oleh al-Rafi'i dan al-Nawawi. Jika terdapat ikhtilaf antara mereka berdua, maka pentarjihan al-Nawawi akan diutamakan. Mereka tidak akan merujuk kepada pendapat lain jika dalam sesuatu isu telah ada pendapat salah seorang daripada kedua imam tersebut sama ada al-Rafi'i atau al-Nawawi.
- iii. Kaedah penentuan fatwa muktamad yang digunakan oleh kedua al-Shaykhayn secara spesifik adalah seperti dalam jadual 2.0 berikut:

Jadual 2. Hierarki fatwa

Hierarki	Penjelasan
i	Sebarang fatwa sama ada qaul <i>qadim</i> atau <i>jadid</i> , yang disokong oleh dalil yang tiada bantahan terhadapnya dianggap fatwa muktamad mazhab Syafi'i
ii	Qaul <i>jadid</i> Imam al-Syafi'i dianggap sebagai muktamad mazhab Syafi'i jika terdapat kenyataan beliau yang menyalahi qaul <i>qadim</i> . Sekiranya tiada konflik antara qaul <i>qadim</i>

al-Minhaj oleh al-Damiri (808 h.), *Tuhfat al-Muhtaj bi Syarh al-Minhaj* oleh Ibn Hajar al-Haythami (973 h.), *Mughniy al-Muhtaj ila Ma'rifat Alfaz al-Minhaj* oleh al-Syarbini (977 h.) dan *Nihayat al-Muhtaj ila Syarh al-Minhaj* oleh al-Jamal al-Ramli (1004 h.).
<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.4>

	dengan qaul <i>jadid</i> atau tiada qaul <i>jadid</i> dalam suatu masalah, maka qaul <i>qadim</i> dalam kes tersebut dianggap muktamad mazhab Syafi'i
iii	Sekiranya kedua-dua qaul <i>qadim</i> dan <i>jadid</i> setara dari segi kekuatan dalilnya, fatwa yang dikenalpasti terkemudian akan diambil. Jika tidak dikenalpasti, akan diutamakan qaul yang ditarjihkan oleh Imam al-Syafi'i
iv	Jika tidak terdapat sebarang petunjuk (<i>qarinah</i>) yang menterjihkan mana-mana qaul dari segi zaman tanpa diketahui juga pentarjihan oleh Imam al-Syafi'i, ulama <i>al-tarjih wa al-takhrij</i> wajib mencari <i>qawl</i> paling rajih berpandukan nas-nas (fatwa-fatwa lain) dan sumber ijtiadnya untuk mengetahui qaul yang paling dekat kepada usul istinbat beliau yang teraplikasi dalam mazhab <i>jadidnya</i> ³
v	Bagi pentarjihan fatwa-fatwa ulama Syafi'iyah pelbagai aliran pula, wajar diutamakan fatwa yang ditashih oleh majoriti <i>ashab al-wujuh</i> yang paling alim dan warak. Jika masih setara, akan diutamakan fatwa yang didokong oleh siapa yang paling alim
vi	Mengambil kira sifat-sifat pihak yang menukikan pendapat (<i>aqwal</i>) Imam al-Syafi'i dan pendapat (<i>wujuh</i>) Syafi'iyah. Contohnya riwayat al-Buwayti, al-Muzani, al-Rabi' al-Muradi diutamakan daripada riwayat al-Rabi' al-Jizi dan Harmalah
vii	Mentarjih fatwa yang bertepatan dengan pendapat kebanyakan imam-imam mazhab lain
viii	Mentarjih fatwa yang disebut secara spesifik dalam bab perbincangannya berbanding yang disebut di luar daripada babnya

Sumber: Al-Dimyati (1997), Ali Jum'ah (2011), al-Kurdi (2011), al-Saqqaf al-Makki (2004), al-Ma'lamah al-Misriyyah (2021)

- iv. Bagi golongan *al-tarjih*, mereka boleh beramal dengan hasil analisis mereka terhadap fatwa-fatwa al-Shaykhain sahaja. Manakala bagi yang rendah daripada itu, mereka perlu berpegang kepada fatwa-fatwa Ibn Hajar al-Haytami dan Syams al-Din al-Ramli kerana kedua-dua tokoh ini ditabalkan sebagai al-Shaykhayn kedua yang melakukan proses penyaringan fatwa-fatwa mazhab Syafi'i selepas era al-Shaykhayn pertama.

HIERARKI KITAB-KITAB RUJUKAN MUKTAMAD DALAM FATWA

Kepentingan merujuk kepada kitab-kitab muktamad bagi mengetahui fatwa mazhab Syafi'i adalah didasarkan kepada dua perkara. Pertama, hirarki kemuktamadan sesebuah kitab yang perlu dirujuk. Kedua, tahap keilmuan seseorang penyampai fatwa seperti mufti. Kedua-dua perkara ini akan dapat dilihat dalam kenyataan ulama Syafi'iyah mutakhirin berdasarkan peringkat karya-karya yang dianggap muktamad dalam evolusi mazhab Syafi'i.

Kitab-kitab Sebelum Zaman al-Syaykhayn

Al-Saqqaf (2004), al-Kurdi (2011) dan Ali Jum'ah (2011) membawakan kenyataan Imam Ibn Hajar al-Haytami dan fuqaha mutakhirin lain bahawa kitab-kitab Syafi'iyah yang ditulis sebelum zaman al-Shaykhayn tidak dijadikan rujukan kecuali bagi ulama yang telah menyelidiki dengan sempurna dan menguasai arena penyuntingan semua fatwa dalam kitab-kitab tersebut. Beliau boleh merumuskan fatwa yang dianggap muktabar pada sudut kajiannya dalam persoalan yang tidak dibahas oleh al-Shaykhayn atau salah seorang daripada mereka. Jika ia sudah dibahas oleh mereka berdua, fuqaha Syafi'iyah berittifak menerima consensus fatwa al-Shaykhayn. Seandainya berlaku ikhtilaf antara mereka berdua yang mana tiada bukti yang mengukuhkan pendapat mana-mana pihak, maka yang muktamadnya ialah fatwa yang disebut oleh Imam al-Nawawi. Jika terdapat bukti yang menyokong salah satu pihak, maka yang muktamad adalah pilihan pihak yang melakukan tarjih.

³ Empat langkah ini hanya layak digunakan oleh para pakar yang menguasai usul istinbat mazhab Syafi'iyah, dalil-dalil penghujahannya dan menelaah semua kitab-kitab ulama Syafi'iyah. Golongan ini terdiri sekurang-kurangnya daripada kategori *ahl al-tarjih wa al-takhrij* dan sebelumnya. Sementara golongan yang tidak mencapai tahap itu, Imam al-Nawawi menggariskan empat kaedah (e, f, i dan j) pentarjihan yang boleh digunakan dalam menganalisis fatwa-fatwa para *ashab al-wujuh* Syafi'iyah yang berlaku ikhtilaf.
<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.4>

Kitab-kitab al-Syaykhayn

Kitab-kitab Imam al-Nawawi menjadi rujukan utama ulama Syafi'iyah selepasnya secara tidak langsung kerana beliau datang terkemudian dari al-Rafi'iy. Menurut al-Kurdi (2011), autoriti kitab-kitab al-Nawawi pula diutamakan berdasarkan hirearki dalam Jadual 3.0 berikut:

Jadual 3. Kitab-kitab al-Nawawi

Hierarki	Kategori
i	al-Tahqiq
ii	al-Majmu'
iii	al-Tanqih
iv	al-Rawdhah
v	al-Minhaj
vi	Fatawa al-Nawawi
vii	Sharh Muslim
viii	Tashih al-Tanbih
ix	Nukat al-Tanbih

Sumber : (Al-Kurdi, 2011)

Jika didapati Mutakhirin Syafi'iyah berittifak fatwa yang disebut al-Shaykhayn itu ralat, ia tidak boleh dijadikan pendapat muktamad dalam mazhab. Akan tetapi kes ralat ini sangat terpercil. Pernah berlaku juga beberapa fatwa yang telah dimuktamadkan oleh fuqaha terkemudian bukan berdasarkan kepada kalam al-Shaykhayn selepas meneliti kitab-kitab mereka.

Kitab-kitab Selepas Zaman al-Shaykhayn

Selepas kitab-kitab al-Shaykhayn, rujukan fatwa diarahkan pula kepada kitab-kitab Imam Ibn Hajar al-Haytami dan Imam al-Ramli yang mengikuti tradisi penyaringan mazhab Syafi'i kali kedua. Jika al-Shaykhayn awal melakukan *tanqih* kepada fatwa-fatwa Syafi'iyah sebelum mereka, kedua-dua Ibn Hajar dan al-Ramli menyemak, menyaring dan melakukan tarjih terhadap fatwa-fatwa al-Shaykhayn dan Syafi'iyah selepas itu. Kitab *Minhaj al-Talibin wa Umdat al-Muftin*, oleh Imam al-Nawawi telah disyarah oleh Ibn Hajar dalam kitabnya *Tuhfat al-Muhtaj* dan al-Ramli dalam *Nihayat al-Muhtaj*.

Kedua-dua kitab tersebut menduduki autoriti yang sama dengan sesiapa sahaja boleh beriktimad kepada mana-mana fatwa yang terdapat dalamnya sekalipun terjadi ikhtilaf. Al-Kurdi (2011) mencatatkan ulama Mesir beriktimad kepada fatwa-fatwa Imam al-Ramli dalam pelbagai karyanya seperti *Nihayat al-Muhtaj*. Sementara itu, ulama Hadharamaut, Syam, Kurdistan, Dagestan, kebanyakan di Yaman dan Hijaz beriktimad kepada karya-karya Ibn Hajar al-Haytami khususnya *Nihayat al-Muhtaj* disusuli *Fath al-Jawab*, *al-Imdad*, *Sharh al-Ubab* dan fatawanya. Selepas ulama Mesir berpindah ke Mekah dan Madinah dan mengajar fatwa-fatwa al-Ramli di sana, fatwa-fatwa beliau mula tersebar dan diiktimad bersama dengan fatwa-fatwa Ibn Hajar al-Haytami sebagai pendapat muktamad dalam mazhab Syafi'i. Autoriti kedua-dua kitab seperti dinyatakan di sini adalah berpandukan pendapat Sheikh Muhammad Sai'd Sunbul yang dibawakan oleh muridnya Sheikh Sulayman al-Kurdi (2011).

Kitab-kitab Selepas Zaman Ibn Hajar al-Haytami dan al-Ramli

Jika tidak ditemui jawapan hukum dalam kitab *al-Nihayah* atau *al-Tuhfah*, Sulayman al-Kurdi (2011), menyatakan bahawa rujukan lanjut akan dibuat kepada kitab-kitab berdasarkan hirearki seperti yang berikut:

Jadual 4 Kitab-kitab Selepas al-Nihayah dan al-Tuhfah

Hirearki	Kategori
i	Kitab-kitab Shaykh al-Islam Zakariyya al-Ansari (925 h.)
ii	Kitab-kitab Khatib al-Syirbini (977 h.)
iii	Hasyiah Shaykh Ali al-Ziyyadi (1024 h.)
iv	Hasyiah Ibn Qasim al-Abbad (994 h.)
v	Hasyiah Ahmad Umayrah/Amirah (957 h.)
vi	Hasyiah al-Shabramallisi (1087 h.)
vii	Hasyiah al-Halabi (1044 h.)
viii	Hasyiah al-Shawbari (1069 h.)
ix	Hasyiah al-Inani (1044 h.)

Sumber: Al-Kurdi (2011)

Kitab-kitab tersebut boleh dirujuk selagi tidak menyalahi kaedah dan usul mazhab Syafi'i. Kesemua pengarang sama ada *ashab al-shuruh* atau *al-hawasyi* di atas, merupakan imam dalam mazhab Syafi'i yang saling mendokong di antara satu dengan yang lain. Fatwa-fatwa mereka boleh diamal, dijadikan fatwa dan keputusan mahkamah walaupun bercanggah dengan ulama-ulama lain, dengan syarat pendapat mereka itu tidak dianggap salah dan dhaif yang terlampau jelas.

Berkenaan dengan hirearki kitab-kitab selepas zaman al-Rafi'i dan al-Nawawi, tidak semua Syafi'iyah bersepakat dengan pendapat Sulayman al-Kurdi. Muhammad al-Kaaf (t.t) menyatakan terdapat tiga pendapat mengenai rujukan muktamad selepas kitab-kitab kedua-dua tokoh tersebut.

Jadual 5. Kitab-kitab Mutakhirin Selepas al-Rafi'i dan al-Nawawi

Pendapat	Tokoh-tokoh Pendapat	Penjelasan
Pertama	Sheikh Muhammad Sa'id Sunbul (1175 h.)	Kitab-kitab al-Shaykhayn kedua iaitu Ibn Hajar dan al-Ramli dianggap rujukan muktamad dalam fatwa mazhab Syafi'i. Kenyataan tersebut telah dipegang dan disebarkan oleh ulama Syafi'iyah selepas mereka.
Kedua	Sebahagian Syafi'iyah	Fatwa yang menjadi rujukan muktamad ialah hukum yang ditarjihkan oleh majoriti ulama Syafi'iyah terkemudian berdasarkan kaedah-kaedah tarjih yang selari dengan usul mazhab Syafi'i
Ketiga	Sheikh Sulayman al-Kurdi (1194 h.) dan al-Sayyid Umar al-Basri (1037 h.) serta ulama selepas mereka. Pendapat ini menjadi pilihan Muhammad al-Kaaf (t.t) dan penulis artikel ini kerana cakupan rujukan fatwa yang lebih luas.	Semua kitab muta'akhirin sebaris dengan kitab <i>al-Tuhfah</i> dan <i>al-Nihayah</i> dari segi rujukan fatwa dan keputusan hakim. Semua kitab mulai daripada era Sheikhu al-Islam Zakariyya al-Ansari dan anak-anak murid beliau seperti Syihab al-Din al-Ramli, Khatib al-Syirbini, Ibn Hajar al-Haytami, Syams al-Din al-Ramli dan seumpamanya boleh dijadikan rujukan muktamad sekalipun terdapat ikhtilaf sesama mereka. Walau bagaimanapun, jika semua mereka berittifak maka fatwa tersebut

akan diutamakan daripada orang lain selepas mereka.

Sumber: Al-Kaaf (t.t)

KESIMPULAN

Fiqah mazhab Syafi'i sangat kaya dengan khazanah hukum yang terhasil daripada ijtihad Imam al-Syafi'i dan fuqaha Syafi'iyah pada empat fasa perkembangannya. Perkembangan penulisan kitab-kitab mazhab Syafi'i memperlihatkan berlakunya sumbangan setiap fasa terhadap pentahkikan, penyaringan dan pentarjihan karya fasa sebelumnya. Dengan demikian semua fatwa terdahulu dalam mazhab Syafi'i sudah ditarjih oleh ulama muhakkikin seperti yang dibincang sebelum ini. Kerana ini, tidak hairan para Syafi'iyah akan mengalihkan perhatian mereka kepada kitab-kitab fiqah terkemudian yang lebih terkini (*updated*) dan berautoriti, bukan kerana mereka mengabaikan sumber rujukan terawal, sebaliknya berpegang kepada rujukan yang lebih sahih dan kuat dari segi penghujahan dan kesabitan fatwa. Dari ini, timbul apa yang dinamakan kitab-kitab fiqah yang dipercayai sebagai sumber rujukan muktamad.

Dengan adanya rujukan kitab muktabar, ia boleh menjadi panduan kepada umat Islam khususnya para mufti bagi menyelesaikan kemelut hukum di samping penghasilan fatwa baharu yang diputuskan secara kolektif. Ketiadaan rujukan muktamad akan menyebabkan kecelaruan fatwa kepada orang ramai sehingga sukar dikenalpasti manakah fatwa rasmi mazhab Syafi'i apabila dicedok sesuka hati daripada pelbagai sumber kitab Syafi'iyah. Tanpa menafikan kepentingan fatwa-fatwa rajih dalam mazhab Syafi'i di Malaysia sebagai satu saluran kepada orang awam untuk memahami dan melaksanakan syariah dengan sistematik dan konsisten, para mufti juga diberikan kelonggaran untuk menyemak fatwa-fatwa yang dhaif dan marjuh serta pendapat mazhab fiqah lain ketika keadaan memerlukan. Namun praktis ini hanya wajar dikendalikan secara berhemah oleh para mufti dan golongan pakar hukum syarak yang berautoriti bagi mengelak ikhtilaf pendapat fuqaha disalahfahami oleh pihak tidak bertanggungjawab (Mohd Hapiz & Abdul Aziz, 2020).

PENGHARGAAN

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam atas kemudahan dan sokongan yang diberikan untuk penerbitan artikel ini.

KONFLIK KEPENTINGAN

Artikel ini secara keseluruhan tidak mengandungi konflik kepentingan antara para penulis dengan pihak luar yang terlibat dalam menjayakan penghasilan artikel.

SUMBANGAN PENULIS

Mohd Hapiz Mahaiyadin telah merangka dan menulis sebahagian besar artikel kajian ini. Manakala Sumayyah Abdul Aziz, Nizaita Omar dan Mas Nooraini Mohidin telah memberi maklumat, input dan menyemak ketepatan fakta.

RUJUKAN

- Abdul Shukor Husin. (2012). Ke Arah Penyelarasan Fatwa di Malaysia. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Habsyi, Abdullah Ibn Muhammad. (2017). *Jami' al-Syuruh wa al-Hawasyi*. Al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Su'udiyah: Dar al-Minhaj li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ali Jum'ah (2001). *Al-Madkhal ila Dirasat al-Mazahib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Salam.

- Al-Kaaf, Muhammad Ibn Umar Ibn Ahmad. (t.t). *Al-Mu'tamad 'Ind al-Syafi'iyah Dirasat Nadhariyyah Tatbiqiyyah*. Diakses pada 1 Februari 2024 dari https://archive.org/details/gawish2040_yahoo_201810
- Al-Kurdi, Muhammad bin Sulaiman al-Madani. (2011). *Al-Fawa'id al-Madaniyyah Fi Man Yuf'ta bi Qaulihi Min al-A'imma al-Shafi'iyah*. Beirut : Nursabah dan al-Jaafan & al-Jafi.
- Al-Ma'lamah al-Misriyyah li al-Ulum al-Ifta'iyah (2021). *Al-Ifta' fi al-Mazhab al-Shafi'i*. Jil. 51. Cairo: General Secretariat for Fatwa Authorities Worldwide.
- Al-Qawasimi, Akram Yusuf. (2013). *Al-Madkhal ila Mazhab al-Imam al-Syafi'i*. Amman: Dar al-Nafa'is.
- Al-Saqqaf, 'Alawi bin Ahmad al-Makki. (2004). *Mukhtasar al-Fawa'id al-Makkiyyah Fi Ma Yahtajuha Talabah al-Shafi'iyah*. Beirut : Dar al-Bashair al-Islamiyyah.
- Al-Syarbaji, Ali Khalid. (2015) dalam Wahdat a-Bahth al-Ilmi bi Idarat al-Ifta'. *Al-Mazhab al-Fiqhiyyah al-Arba'ah Aimmatuha Atwaruha Usuluha Atharuha*. Al-Kuwayt : Wizarah al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.
- Al-Thaqafi, Abdul Basir bin Sulaiman al-Malibari. (2014). *Dirasah Mausuhah Li Istilahaat al-Syafi'iyah*. Amman : Dar al-Nur al-Mubin.
- Maghribiyyah, Muhammad Toriq (2015). *Al-Mazhab Al-Shafi'i Dirasat 'An Ahamm Mustolahatihi Wa Asyhar Musannafatihi Wa Maratib al-Tarjih Fihi*. Amman : Dar al-Fath.
- Mohamed Azam Mohamed Adil. (2012). Penyelarasan Fatwa : Isu, Masalah dan Harapan. *Kertas kerja Seminar Kebangsaan Penyelarasan Penguatkuasaan Fatwa di Malaysia 2012*. Nilai : Universiti Sains Islam Malaysia & Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin & Sumayyah Abdul Aziz (2020). Taklid Mazhab Syafi'i di Malaysia: satu tinjauan dalam konteks masalah perpaduan ummah. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 6 (1). pp. 151-170
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2025). *Praktis Sunah Dalam Mazhab Syafi'i*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Mohd Hapiz Mahaiyadin. (2019). *Memahami Proses Istinbat Hukum Syarak Edisi Kemas Kini*. Kepala Batas: Excelligent Resources.
- Syed Mohamed Ben-Agil, S. S., & Mahaiyadin, M. H. (2019). Analysis of the Construction of Qawl Muktamad (Final Opinion) In Shafi'i Madhhab: Analisis Pembentukan Pendapat Muktamad Dalam Mazhab Shafi'i. *Al-Qanadir: International Journal of Islamic Studies*, 16(2), 1–16. Retrieved from <https://al-qanadir.com/aq/article/view/244>

Senarai Statut

- Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadi Penggal 77, Negara Brunei Darussalam (1956).
- Enakmen Mufti dan Fatwa (Kedah Darul Aman) 2008
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perlis (2006)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2004)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Perak (2004)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor (2003)
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan (2003)
- Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Pahang (1991)
- Ordinan Majlis Islam Sarawak (2001)



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).